

Literasi Media Belia Selangor dalam Penglibatan Politik di Malaysia

FATIN NORSHALIH AH AZMAN @ AZMIN
SHAMSI AH ABD KADIR*
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penguasaan kemahiran literasi media amat diperlukan bagi membolehkan belia menilai serta memahami kandungan maklumat yang disampaikan melalui pelbagai platform media. Tambahan pula, penguasaan literasi media mampu secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan penglibatan belia dalam aktiviti politik, sama ada melalui platform dalam talian mahupun kaedah konvensional. Generasi belia didapati kurang terlibat secara aktif dalam aktiviti politik secara konvensional seperti mengundi, dan mereka mudah dipengaruhi oleh isu-isu politik semasa yang dilihat serta didengar melalui platform media sosial. Kajian ini juga menerangkan corak pengundian dalam kalangan belia. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti medium yang digunakan golongan belia bagi mendapatkan maklumat politik, serta mengukur tahap penguasaan literasi media mereka terhadap pemahaman mesej politik berdasarkan model kognitif yang dikemukakan oleh Potter, serta menganalisis hubungan antara tahap literasi media dalam kalangan belia Selangor dengan hasrat penglibatan mereka dalam politik Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik dalam talian kepada seramai 385 responden yang berusia dalam lingkungan 16 hingga 20 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa belia memanfaatkan platform media sosial sebagai medium utama untuk memperoleh maklumat berkaitan politik. Sementara itu, tahap penguasaan literasi media dalam kalangan belia Selangor mencapai tahap yang tinggi, namun hasrat mereka untuk melibatkan diri dalam politik Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Dapatan penyelidikan ini boleh dijadikan panduan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, serta ibu bapa dalam usaha membentuk serta menggalakkan generasi muda untuk terlibat secara aktif dalam arena politik negara.

Kata kunci: *Literasi media, belia, politik, media sosial, penyertaan politik.*

Media Literacy of Selangor Youth in Political Participation in Malaysia

ABSTRACT

Proficiency in media literacy is essential to enable the younger generation to critically assess and comprehend information disseminated through various media platforms. Furthermore, mastery of media literacy plays a vital role as it can enhance youth engagement in political activities, whether through digital or traditional means. Adolescents demonstrate lower participation rates in traditional political engagement, including voter registration, and tend to be highly susceptible to contemporary political narratives propagated via social media channels. These factors consequently influence their voting behaviour. This research seeks to identify the media channels utilised by adolescents for acquiring political information and to assess their media literacy levels in relation to political message comprehension, drawing upon Potter's cognitive theoretical framework, while also examining the correlation between Selangor youths' media literacy competencies and their inclination towards political participation in Malaysia. This investigation employed a quantitative methodology through the dissemination of web-based survey instruments to a sample of 385 participants aged between 16

*Penulis koresponden: shamkadir@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4104-16>

Diterima: 3 November 2025 | Diperakukan: 1 Disember 2025 | Diterbitkan: 12 Disember 2025

and 20 years. Research findings reveal that young people predominantly utilise social networking platforms to access information pertaining to political affairs. Meanwhile, the media literacy proficiency among Selangor's youth population registers at a moderately elevated level, yet their disposition towards active engagement in Malaysia's political landscape remains comparatively minimal. Key stakeholders including the Ministry of Education Malaysia, Ministry of Youth and Sports, alongside parental guidance, play pivotal roles in cultivating and motivating youth participation in the nation's political processes.

Keywords: *Media literacy, youth, politics, social media, political participation.*

PENDAHULUAN

Hubungan antara komunikasi media dan politik adalah sangat erat kerana ia berfungsi sebagai saluran pertukaran maklumat antara rakyat dengan pihak pemerintah. Pihak pemerintah bukan sahaja memanfaatkan media konvensional untuk penyebaran informasi, bahkan turut menggunakan platform media sosial sebagai medium penyampaian maklumat kepada masyarakat. Platform media sosial telah menjadi elemen penting dalam penyebaran maklumat politik di Malaysia, memberi kesan bukan sahaja terhadap perubahan status quo (Ali & Mohd Safar, 2011), tetapi turut mempengaruhi bentuk pemikiran politik yang lebih kritis dan matang serta percambahan idea yang lebih meluas. Beberapa tahun kebelakangan ini, aktiviti politik melalui media baru juga diambil kira sebagai sebahagian daripada penglibatan politik (Razali et al., 2016). Oleh itu, platform media sosial menunjukkan pengaruh yang signifikan semasa Pilihan Raya Umum ke-15, di mana golongan muda membuat penilaian terhadap parti-parti politik melalui kandungan yang disiarkan dalam media sosial yang mengandungi pelbagai maklumat termasuk manifesto parti-parti yang bertanding.

Konsep literasi media merujuk kepada keupayaan kritikal yang diperlukan oleh pengguna untuk mengurus dan memproses kandungan mesej media yang disebarkan melalui saluran media konvensional mahupun media digital (Ciurel, 2016). Memandangkan berlakunya penyebaran maklumat yang tidak terkawal di platform media sosial, kemahiran literasi media menjadi keperluan penting bagi setiap lapisan masyarakat terutamanya generasi muda untuk berfikir secara kritikal. Oleh itu, golongan belia seharusnya menitikberatkan isu literasi media supaya mereka dapat menganalisis dan menilai setiap mesej yang dibaca dan diterima di dalam media sosial dengan kritis.

Berdasarkan kepada statistik Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023 juga menunjukkan bilangan pengundi muda berumur 18 hingga 20 tahun berjumlah 661,905 orang. Manakala pengundi berusia 21 hingga 29 tahun menjadi kumpulan paling ramai di keenam-enam negeri dengan jumlah 2,169,120 pengundi, diikuti pengundi berusia 30 hingga 39 tahun 2,163,982 orang. Hal ini menunjukkan bahawa golongan belia dalam lingkungan 18 hingga 20 mencatatkan jumlah yang paling rendah berbanding dengan golongan dewasa (Norzamira, 2022). Menurut Norhafiza (2019), golongan belia agak kurang melibatkan diri dengan aktiviti politik konvensional serta mendaftar untuk mengundi, jika dibandingkan dengan pengundi yang lebih dewasa dan warga emas.

Pemilihan golongan belia berumur 16-20 tahun di negeri Selangor sebagai fokus kajian ini adalah berdasarkan beberapa justifikasi penting. Pertama, kumpulan umur ini merangkumi pengundi baharu yang layak mengundi pada umur 18 tahun serta bakal pengundi yang akan mencapai umur mengundi dalam tempoh terdekat. Menurut statistik Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, pengundi dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun di Selangor berjumlah 661,905 orang, mencatatkan peningkatan lebih 50 peratus berbanding

pilihan raya sebelumnya (Norzamira, 2022). Kedua, Selangor dipilih kerana merupakan negeri yang paling membangun dengan tahap literasi digital dan akses kepada media sosial yang tinggi, menjadikannya lokasi kritikal untuk memahami hubungan antara literasi media dengan penglibatan politik. Ketiga, sebagai negeri dengan jumlah kerusi parlimen yang signifikan, undi golongan belia di Selangor mempunyai impak besar terhadap keputusan pilihan raya di peringkat nasional. Justeru, memahami tahap literasi media dan niat penglibatan politik golongan belia di Selangor adalah kritikal untuk merancang intervensi pendidikan politik yang berkesan.

Justeru, kajian ini akan dijalankan bertujuan untuk melihat medium yang digunakan oleh golongan belia dalam memperolehi informasi politik, dan mengukur tahap literasi media dengan mengadaptasi teori literasi media James W. Potter (2004), melihat hubungan tersebut dengan niat penglibatan mereka di dalam politik Malaysia pada masa akan datang. Model kognitif Teori Literasi Media James W. Potter (2004) dipilih sebagai kerangka teoretikal kajian ini kerana beberapa kelebihan berbanding kerangka literasi media lain seperti model Livingstone atau model Jenkins. Model Potter menekankan proses kognitif yang berlaku apabila individu memproses mesej media, bukan sekadar kemahiran teknikal penggunaan media. Empat komponen utama model ini – struktur pengetahuan, lokus peribadi, alatan pemrosesan maklumat dan aliran kerja pemrosesan - adalah sangat relevan dengan konteks politik Malaysia di mana golongan belia terdedah kepada pelbagai mesej politik yang kompleks, bercanggah dan kadangkala mengelirukan di media sosial. Model ini membolehkan pengkaji mengukur bukan sahaja apa yang belia ketahui tentang politik, tetapi lebih penting lagi, bagaimana mereka memproses, menilai dan membuat keputusan berdasarkan maklumat politik yang diterima. Pendekatan kognitif ini sesuai dengan matlamat kajian untuk memahami perkaitan antara literasi media dengan niat penglibatan politik yang melibatkan proses pemikiran dan pertimbangan yang kompleks.

SOROTAN LITERATUR

Literasi Media

Literasi media memainkan peranan kritikal dalam membangunkan generasi muda memandangkan mereka mempunyai pengalaman praktikal melalui aktiviti diskusi, penerbitan digital, dan tindakan berkumpulan (Rheingold, 2008). Literasi media turut diaplikasikan sebagai instrumen untuk meneliti kebolehan kalangan belia dalam menyertai aktiviti politik bagi memperkukuh institusi serta amalan berdemokrasi di negara ini.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Rashid et al. (2016) menunjukkan bahawa tahap penguasaan literasi media dalam kalangan remaja Malaysia masih belum memuaskan dan berada pada paras yang rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan dalam kediaman atau lokasi demografi turut memberi kesan kepada tahap literasi media. Hal ini disebabkan remaja yang menetap di kawasan bandar menunjukkan tahap penguasaan literasi media yang lebih tinggi berbanding dengan remaja dari kawasan luar bandar.

Di samping itu, kajian Maliki et al. (2023) yang mengkaji tahap kewarganegaraan digital dalam kalangan remaja berumur 14 tahun di Malaysia mendapati bahawa tahap pengetahuan remaja negara ini berada pada tahap memuaskan. Walau bagaimanapun, aspek kemahiran dan nilai menunjukkan beberapa kelemahan. Secara keseluruhannya, tahap kewarganegaraan digital dalam kalangan remaja Malaysia perlu diperkukuh lagi memandangkan mereka masih terdedah kepada risiko jenayah siber pada tahap yang tinggi.

Berdasarkan sorotan kajian-kajian terdahulu, beberapa tema utama dapat dikenalpasti. Pertama, wujud jurang dalam tahap literasi media dalam kalangan remaja Malaysia, dengan perbezaan berdasarkan lokasi kediaman (Rashid et al., 2016) dan aspek kemahiran tertentu (Maliki et al., 2023). Kedua, terdapat pertindihan antara literasi media dengan penyertaan politik, di mana golongan yang mempunyai kemahiran literasi media lebih tinggi menunjukkan keupayaan menilai kandungan politik dengan lebih baik (Hassan et al., 2019). Ketiga, walaupun belia aktif menggunakan media sosial untuk maklumat politik, tahap penglibatan politik sebenar mereka masih rendah (Hassan et al., 2023; Noor Shazalina & Rosyidah, 2022). Jurang antara literasi media dengan penglibatan politik inilah yang menjadi fokus kajian ini.

Literasi Media dalam Kalangan Belia

Hassan et al. (2019) menjalankan kajian berkaitan *Perspektif Literasi Media Aspek Analisis dan Penilaian: Amalan Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda di Media Sosial*, yang menunjukkan bahawa kalangan muda yang mempunyai nilai moral yang tinggi menunjukkan keupayaan yang baik dalam menilai sumber serta kandungan politik yang berintegriti, bebas daripada unsur pemalsuan, provokasi dan tular.

Tambahan pula, kajian Mohd Sani et al. (2024) yang mengkaji pengetahuan wanita belia dalam menilai kesahihan literasi kandungan maklumat politik di Facebook serta kesannya terhadap tingkah laku mereka mendapati bahawa tahap pengetahuan wanita belia dalam menilai kesahihan literasi kandungan maklumat politik masih kurang memuaskan, dan ini memberi impak kepada cara mereka menerima kandungan maklumat politik tersebut.

Begitu juga dengan penyelidikan Hassan et al. (2023) yang meneliti dimensi literasi media dan kesedaran penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Zon Selatan Malaysia, yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran literasi media dalam kalangan pengundi muda berada pada paras sederhana, manakala kesediaan mereka untuk menyertai aktiviti politik masih pada tahap yang rendah. Hasil kajian mendapati bahawa responden menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik serta pengaruh minat politik belia adalah melalui media sosial berbanding keluarga dan rakan-rakan.

Literasi Politik di Malaysia

Literasi politik merujuk kepada keupayaan pengundi untuk memahami, menganalisis, serta melibatkan diri secara aktif dalam proses politik. Menurut Denver dan Hands (1992), ia merangkumi pemahaman terhadap sistem politik, institusi-institusi politik, proses pembuatan keputusan politik serta isu-isu politik yang relevan. Literasi politik melibatkan pengetahuan pengundi berkenaan struktur serta fungsi pemerintahan, tanggungjawab sebagai warganegara, pemahaman mengenai konsep-konsep politik seperti demokrasi, hak asasi manusia, keadilan sosial, dan kebebasan bersuara.

Menurut Jasmi et al. (2018) yang menganalisis kefahaman pengundi di Tawau berkaitan peranan serta tanggungjawab mereka sebagai warganegara dalam proses demokrasi yang penting iaitu pilihan raya umum. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa tahap literasi politik pengundi di Tawau dipengaruhi oleh peranan media, di mana pengundi kawasan tersebut mula mempamerkan kefahaman politik yang lebih mendalam apabila mereka berupaya menganalisis serta memberikan pandangan berkenaan kuasa mereka sebagai pemilih.

Manakala Sulaiman et al. (2023) telah menjalankan kajian mengenai *UNDI 18: Analisa Keperluan Literasi Politik Pengundi Muda Melayu Johor di Institusi Pengajian Tinggi Awam Pasca PRN Johor Ke-15*, yang bertujuan mengenal pasti sejauh mana keperluan literasi politik dalam kalangan pengundi muda Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 83.5 peratus daripada jumlah keseluruhan responden memberi pandangan yang positif terhadap keperluan literasi politik bagi kalangan pengundi muda Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Keterlibatan Politik dalam Kalangan Belia

Menurut kajian Noor Shazalina dan Rosyidah (2022) berkenaan tahap penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dalam kalangan belia, didapati bahawa tahap kesedaran politik dalam kalangan pelajar masih pada paras yang rendah. Malahan, dapatan kajian mereka turut menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan antara jantina dengan penyertaan politik, serta penyertaan politik interpersonal belia yang menggunakan media sosial. Selain itu, mereka mendapati penglibatan belia dalam politik melalui penggunaan media sosial berada pada tahap sederhana, dengan peratusan mahasiswa yang terlibat juga mencatatkan jumlah yang sederhana (Noor Shazalina & Rosyidah, 2022).

Di samping itu, kajian Marshelayanti et al. (2016) yang bertujuan meneroka sejauh mana penglibatan politik belia di Malaysia mendapati bahawa tahap penyertaan politik dalam kalangan belia adalah sederhana. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka turut mengundi adalah disebabkan minat mereka terhadap politik. Walaupun demikian, responden kurang gemar untuk berhubung dengan pemimpin politik. Malahan, Marshelayanti et al. (2026) menegaskan bahawa jantina menunjukkan hubungan yang positif dengan tahap penglibatan dalam politik.


Menurut Samsi (2014), tahap penyertaan politik belia di Selangor masih berada pada paras yang rendah, dan pengaruh media massa serta persekitaran sosial didapati mampu memberi kesan kepada penglibatan politik belia. Persepsi belia terhadap parti-parti politik berada pada tahap sederhana iaitu dalam lingkungan 62% hingga 70.2%. Dari aspek tahap penglibatan politik belia pula, didapati berada pada tahap yang rendah iaitu hanya 65% sahaja (Samsi, 2014). Berdasarkan 10 item berkaitan penglibatan politik belia, item yang mencatatkan nilai paling tinggi ialah responden akan mengundi pada pilihan raya akan datang dengan seramai 391 orang (78.2%), dan perkara ini turut disokong melalui data Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 yang menunjukkan peningkatan peratusan keluar mengundi daripada 75% pada PRU-12 kepada 85.2% pada PRU ke-13. Sementara itu, dari aspek tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India, kesemua kaum menunjukkan tahap penglibatan politik yang sama iaitu sangat rendah.

Teori Literasi Media Potter

Penyelidikan ini mengadaptasi Teori Literasi Media, yang merangkumi keupayaan untuk memahami, menganalisis dan membina setiap penceritaan yang disampaikan melalui media. Tambahan pula, literasi media turut dianggap sebagai sumber yang benar, malahan media sebenarnya memiliki kuasa yang sangat besar dalam mempengaruhi pemikiran seseorang. Menurut (Strasburger & Wilson, 2002), Mc Cannon menegaskan bahawa literasi media merupakan kemampuan yang efektif serta efisien dalam memahami dan menggunakan komunikasi media, manakala menurut Potter (2005), literasi media adalah proses di mana

seseorang individu secara aktif terlibat dalam mentafsir mesej yang diterima serta cara mereka menjangkakkannya.

Rajah 1 mempamerkan kerangka kajian ini yang mengaplikasikan Model Literasi Media Potter sebagai panduan untuk mengukur tahap literasi media golongan belia terhadap kefahaman mesej politik. Kajian ini telah melihat medium yang digunakan oleh golongan belia dalam memperolehi informasi politik terlebih dahulu dan seterusnya mengukur tahap literasi media golongan belia terhadap kefahaman mesej politik dengan menggunakan model kognitif Teori Potter. Dua pemboleh ubah iaitu empat faktor utama di dalam model kognitif Teori Literasi Media James W. Potter (2004) iaitu lokus peribadi politik, struktur pengetahuan politik, alatan pemprosesan maklumat dan aliran kerja pemprosesan merupakan pemboleh ubah bebas dan niat penglibatan belia dalam politik sebagai pemboleh ubah bersandar.



Rajah 1: Kerangka teoretikal kajian

Model Literasi Media Potter (2004) mengandungi empat komponen kognitif yang saling berkaitan. Pertama, struktur pengetahuan politik merujuk kepada asas pengetahuan individu tentang sistem politik, proses demokrasi dan isu-isu semasa. Dalam konteks kajian ini, ia merangkumi pengetahuan belia tentang sistem pilihan raya Malaysia, peranan ahli parlimen, dan struktur kerajaan. Struktur pengetahuan yang kukuh membolehkan individu membuat penilaian yang lebih tepat terhadap mesej politik yang diterima.

Kedua, lokus peribadi merujuk kepada matlamat dan motivasi individu dalam menggunakan media. Belia yang mempunyai lokus peribadi yang kuat terhadap politik akan secara aktif mencari maklumat politik dan menilai kredibiliti sumber. Ini berbeza dengan mereka yang pasif menerima maklumat tanpa penelitian kritis. Ketiga, alatan pemprosesan maklumat melibatkan kemahiran kognitif untuk menganalisis, menilai dan mensintesis maklumat. Dalam era media sosial, kemahiran ini termasuk keupayaan mengenal pasti berita palsu, membezakan fakta dengan pendapat, dan membandingkan maklumat dari pelbagai sumber.

Keempat, aliran kerja pemprosesan merujuk kepada tahap kesedaran dan kawalan individu terhadap proses pemprosesan maklumat. Individu dengan aliran kerja pemprosesan yang tinggi akan secara sedar menilai mesej media dan membuat keputusan berdasarkan pertimbangan yang teliti. Interaksi antara keempat-empat komponen ini menentukan tahap literasi media seseorang. Dalam konteks politik Malaysia, model ini membantu menjelaskan mengapa sesetengah belia lebih terlibat dalam politik berbanding yang lain, walaupun mereka terdedah kepada maklumat politik yang sama di media sosial.

METODOLOGI

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan metodologi penyelidikan termasuk reka bentuk kajian, populasi dan sampel, prosedur pengumpulan data, serta kaedah analisis data yang diaplikasikan. Menurut Maxwell (2005), pemilihan reka bentuk kajian bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan. Setiap penyelidikan yang akan dilaksanakan memerlukan reka bentuk kajian yang kukuh.

Reka bentuk kajian ini bertujuan meneliti medium yang digunakan oleh belia untuk memperoleh mesej politik serta pengaruh antara pemboleh ubah tidak bersandar iaitu struktur pengetahuan, lokus peribadi, alatan pemprosesan maklumat serta aliran kerja pemprosesan model kognitif dalam teori Literasi Media Potter dengan pemboleh ubah bersandar iaitu niat penglibatan golongan belia Selangor dalam Politik Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik, yang menggunakan skala likert lima sela bermula dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

Persampelan Kajian

Penyelidikan ini memfokuskan kepada populasi belia berumur 16-20 tahun yang tinggal di Selangor memandangkan mereka adalah golongan yang aktif menggunakan media sosial dan dianggap sebagai kumpulan yang perlu diberi perhatian dalam aktiviti serta program pembangunan (United Nations, 2002). Bilangan pengundi belia yang berusia antara 18 hingga 20 tahun mencatatkan jumlah yang paling rendah. Sampel di dalam kajian ini merupakan seluruh populasi tersebut. Jumlah sampel yang dipilih ialah seramai 385 orang. Bagi kaedah persampelan, jumlah sampel ditentukan berdasarkan Jadual Persampelan Krejcie dan Morgan (1970) iaitu seramai 385 orang belia yang dijadikan sampel.

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berstrata, di mana responden dipilih berdasarkan kriteria tertentu iaitu belia berumur 16-20 tahun yang menetap di Selangor. Persampelan dilakukan secara dalam talian melalui platform media sosial untuk memastikan liputan yang lebih luas merentasi sembilan daerah di Selangor. Walaupun teknik ini membolehkan kajian mencapai responden yang sesuai dengan objektif kajian, terdapat beberapa limitasi yang perlu diakui.

Pertama, kaedah persampelan dalam talian mungkin mengecualikan belia yang kurang aktif di media sosial atau tidak mempunyai akses internet yang baik. Kedua, persampelan bertujuan tidak membenarkan generalisasi statistik kepada keseluruhan populasi belia Selangor secara meluas. Ketiga, penggunaan soal selidik dalam talian berisiko mendapat respons dari responden yang sama beberapa kali, walaupun kawalan telah dilakukan melalui tetapan *Google Form*. Keempat, kajian ini hanya memfokuskan kepada belia di Selangor dan tidak mewakili belia di negeri lain yang mungkin mempunyai konteks sosio-politik berbeza.

Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik yang akan diedarkan kepada belia yang berumur 16-20 tahun di negeri Selangor melalui *Google Form*. Kajian ini dijalankan selama satu bulan iaitu bermula dengan kajian rintis kepada 30 orang responden yang terdiri daripada belia yang menetap di Selangor dengan mengedarkan borang soal selidik secara atas talian. Juga, kajian sebenar menggunakan kaedah borang soal selidik secara atas talian, yang dijalankan mengikut jadual

selepas dapatan kajian rintis untuk melihat kekuatan binaan kesahan instrumen dan kebolehpercayaan instrumen yang diguna pakai.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah kaedah borang soal selidik berstruktur, yang direka cipta oleh pengkaji sendiri dan sorotan kajian terdahulu diambil sebagai panduan. Instrumen yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik, yang mengandungi 34 soalan. Soalan berstruktur dibahagikan kepada enam bahagian yang menggunakan skala Likert lima mata untuk menjawabnya, iaitu '1 - Sangat Tidak Setuju, '2 - Tidak Setuju, '3 - Tidak Pasti, '4 - Setuju, '5 - Sangat Setuju'.

DAPATAN KAJIAN

1. Cronbach Alpha

Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29. Kumpulan data yang telah dikumpulkan kemudiannya dimasukkan ke dalam perisian tersebut dan dianalisis dengan menggunakan Statistik Deskriptif (Analisis Frekuensi) dan Statistik inferensi (Analisis Korelasi).

Jadual 1: Nilai cronbach alpha

Nilai	Tahap Kebolehpercayaan
0.8 – 1.0	Sangat baik dan efektif dengan konsistensi yang tinggi
0.7 – 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 – 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0.5	Item perlu digugurkan

Jadual 2: Hasil keputusan cronbach alpha

Pembolehubah	Nilai Alpha	Jumlah Item
(B1a-B1e) Struktur pengetahuan	.867	5
(B2a-B2e) Lokus peribadi	.863	5
(B3a-B3e) Alatan pemprosesan maklumat	.857	5
(B4a-B4e) Aliran pemprosesan maklumat	.804	5
(C1-C5) Penglibatan belia di dalam politik	.924	5

Merujuk kepada Jadual 2, hasil keputusan Cronbach Alpha didapati nilai Alpha atau tahap kebolehpercayaan bagi kesemua pemboleh ubah adalah melebihi 0.7 berdasarkan kepada indikator di Jadual 1: Nilai Cronbach Alpha, tahap kebolehpercayaan adalah baik dan boleh diterima. Pemboleh ubah bagi penglibatan belia di dalam politik menunjukkan tahap kebolehpercayaan paling tinggi iaitu 0.924 manakala pemboleh ubah yang terendah pula adalah iaitu aliran pemprosesan maklumat dengan keputusan sebanyak 0.804. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya tahap kebolehpercayaan bagi kesemua item soal selidik adalah baik dan boleh diterima.

2. Analisis Profil Responden Kajian

a) Jantina

Jadual 3: Jantina

Jantina	<i>f</i>	Peratus (%)
Lelaki	160	41.6
Perempuan	225	58.4
Jumlah	385	100

Berdasarkan Jadual 3 seperti di atas, seramai 160 (41.6%) ialah lelaki dan 225 (58.4%) ialah perempuan yang telah terlibat di dalam kajian ini.

b) Umur

Jadual 4: Umur

Umur	<i>f</i>	Peratus (%)
16 tahun	14	3.6
17 tahun	35	9.1
18 tahun	49	12.7
19 tahun	100	26.0
20 tahun	187	48.6

Berdasarkan Jadual 4, dari sudut umur responden menunjukkan majoriti ialah belia yang berumur 20 tahun seramai 187 orang iaitu sebanyak 48.6%, seterusnya diikuti dengan belia yang berumur 19 tahun seramai 100 orang iaitu sebanyak (26.0%), diikuti dengan belia 18 tahun iaitu sebanyak 49 (12.7%) orang, belia 17 tahun sebanyak 35(9.1%) orang dan 16 tahun iaitu sebanyak 14 (3.6%) orang.

c) Bangsa

Jadual 5: Bangsa

Bangsa	<i>f</i>	Peratus (%)
Sabah	3	0.8
Cina	62	16.1
India	78	20.3
Melayu	242	62.9

Berdasarkan Jadual 5, dari sudut bangsa, responden dari bangsa melayu seramai 242 orang iaitu sebanyak 62.9%, diikuti dengan India seramai 78 orang iaitu sebanyak 20.3%, manakala cina pula seramai 62 orang iaitu 16.1% dan Sabah 3 (0.8%).

d) Tahap pendidikan

Jadual 6: Tahap pendidikan

Perkara	<i>f</i>	Peratus (%)
Tahap pendidikan		
Sarjana Muda	4	1.0
Diploma	218	56.6
PT3	7	1.8
SPM	62	16.1
STPM	86	22.3
UPSR	8	2.1
Daerah		
Gombak	39	10.1
Hulu Langat	52	13.5
Hulu Selangor	19	4.9
Klang	41	10.6
Kuala Langat	48	12.5
Kuala Selangor	42	10.9
Petaling	52	13.5
Sabak Bernam	35	9.1
Sepang	57	14.8

Bagi daerah responden pula, Jadual 6 menunjukkan seramai 57 orang iaitu 14.8% adalah dari daerah Sepang, manakala untuk daerah Hulu Langat dan Petaling mencatatkan jumlah yang responden yang sama iaitu seramai 52 (13.5%) orang, manakala kuala Langat 48 (12.5%) orang, Kuala Selangor 42 (10.9%) orang, Gombak seramai 39 (10.1%), Sabak Bernam 35 (9.1%) dan Hulu Selangor 19 (4.9%) orang.

Bagi tujuan menjawab objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengenal pasti medium yang digunakan oleh golongan belia dalam memperoleh informasi politik maka analisis- analisis deskriptif yang berikut dijalankan.

Jadual 7: Medium yang digunakan

Medium yang digunakan	<i>f</i>	Peratus (%)
Tiktok	129	33.5
X	78	20.3
Instagram	52	13.5
Facebook	36	9.4
Radio	29	7.5
Televisyen	25	6.5
Surat Khabar	19	4.9
Youtube	17	4.4

Kajian ini telah meninjau medium yang digunakan oleh golongan belia seperti di Jadual 7. Tiktok telah mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu seramai 129 (33.5%) orang telah menggunakan aplikasi ini dalam memperoleh maklumat politik. Seterusnya pula aplikasi X telah mencatatkan seramai 78 (20.3%) orang yang menggunakan aplikasi ini sebagai medium dalam memperoleh maklumat politik. Manakala seramai 52 (13.5%) orang telah menggunakan Instagram sebagai medium dalam memperoleh maklumat politik. Selain itu, media tradisional juga dilihat memainkan peranan yang masih relevan dan menjadi pegangan sebagai saluran komunikasi kepada belia dalam memperoleh maklumat politik. Hal ini kerana radio mencatatkan seramai 29 (7.5%) orang, manakala televisyen pula mencatatkan seramai 25 (6.5%) orang. Surat khabar pula mencatatkan sejumlah 19 (4.9%) orang yang menggunakan medium ini sebagai alat dalam memperoleh maklumat politik. Selain itu, Youtube telah mencatatkan penggunaan medium yang paling terendah digunakan oleh belia dalam memperoleh maklumat politik iaitu hanya seramai 17 (4.4%) orang sahaja yang menggunakan medium ini.

3. Analisis Deskriptif

Untuk menganalisis kemahiran literasi media dari dimensi lokus peribadi politik dan struktur pengetahuan politik, analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 29 diaplikasikan bagi melaporkan dapatan kajian. Tahap literasi media bagi pemboleh ubah tidak bersandar iaitu struktur pengetahuan, lokus peribadi, alatan pemprosesan maklumat dan aliran kerja pemprosesan.

Seterusnya analisis terhadap soal selidik yang menggunakan skala likert juga dijalankan dan diuraikan mengikut min dan sisihan piawai dan dibahagikan mengikut aspek masing-masing. Penentuan tahap skor min dan nilai sisihan piawai terhadap konsensus responden yang dirujuk adalah seperti Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Penentuan tahap skor min

Skor Min	Ukuran Tahap
1.00 -2.39	Rendah
2.40 – 3.70	Sederhana
3.71 – 5.00	Tinggi

Sumber: Neuman (2012)

a) Struktur Pengetahuan

Jadual 9: Struktur pengetahuan

Bil.	Instrumen	Min	SP
B1a	Saya mempunyai pengetahuan tentang Pilihan Raya Umum.	3.72	1.042
B1b	Saya mengetahui bahawa Ahli-ahli Parlimen dipilih melalui pilihan raya.	3.85	1.066
B1c	Saya mengetahui bahawa pilihan raya di negara ini diadakan lima tahun seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia.	4.04	0.982
B1d	Saya mengetahui bahawa Malaysia mengamalkan sistem kerajaan demokrasi berparlimen.	4.01	1.153
B1e	Saya mengenali simbol parti politik yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Pilihan Raya.	3.83	1.134

Jadual 9 menunjukkan struktur pengetahuan golongan belia Selangor dalam memperolehi maklumat politik berada pada tahap tinggi. Kebanyakan responden mengetahui bahawa pilihan raya di negara ini diadakan lima tahun seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia apabila dengan markah min yang tinggi daripada yang lain iaitu sebanyak 4.04 dan sisihan piawai yang tinggi sebanyak 0.982.

b) Lokus Peribadi

Jadual 10: Lokus peribadi

Bil.	Instrumen	Min	SP
B2a	Saya mahir mencari maklumat politik di media sosial.	3.44	1.174
B2b	Maklumat/ berita/ rencana politik di media sosial meningkatkan kecenderungan saya melibatkan diri dalam aktiviti politik (contoh: menghadiri ceramah politik, kempen, persidangan dan sebagainya.)	3.18	1.189
B2c	Saya menggunakan media sosial (Contoh: Facebook, Tiktok, Instagram) untuk mendapatkan maklumat politik berbanding dengan media tradisional (surat khabar, radio, televisyen).	3.79	1.100
B2d	Kredibiliti maklumat di media sosial mempengaruhi minat saya terhadap politik.	3.50	1.180
B2e	Saya akan membuat keputusan undi calon berdasarkan kepada maklumat yang terdapat di media sosial.	3.56	1.079

Jadual 10 pula menunjukkan lokus peribadi golongan belia Selangor dalam memperolehi maklumat politik berada pada tahap tinggi. Responden menggunakan media sosial seperti facebook, Tiktok dan Instagram untuk mendapatkan maklumat politik berbanding dengan media tradisional apabila dengan markah min yang tinggi daripada yang lain iaitu sebanyak 3.79 dan sisihan piawai yang tinggi sebanyak 1.100.

c) *Alatan Pemprosesan Maklumat*

Jadual 11: Alatan pemprosesan maklumat

Bil.	Instrumen	Min	SP
B3a	Saya mahir berkongsi maklumat politik di media sosial dengan pengguna yang lain.	3.24	1.203
B3b	Saya mahir dalam menggunakan aplikasi pengoptimuman enjin carian (seo) dalam mencari maklumat mengenai politik Malaysia di media sosial.	3.31	1.204
B3c	Saya mampu mengenal pasti media sosial yang sah untuk mengetahui keputusan Pilihan Raya Umum (PRU).	3.72	1.004
B3d	Saya mampu memberi pendapat dan komen mengenai maklumat politik yang dikongsikan oleh pengguna di media sosial.	3.50	1.018
B3e	Saya mahir menggunakan Internet untuk mencari maklumat politik dengan baik.	3.82	1.061

Jadual 11 menunjukkan alatan pemprosesan maklumat golongan belia Selangor dalam memperolehi maklumat politik berada pada tahap tinggi dengan markah ini bermakna responden mahir menggunakan Internet untuk mencari maklumat politik dengan baik. Markah min yang tinggi daripada yang lain iaitu sebanyak 3.82 dan sisihan piawai yang tinggi sebanyak 1.061.

d) *Aliran Kerja Pemprosesan*

Jadual 12: Aliran kerja pemprosesan

Bil.	Instrumen	Min	SP
B4a	Saya mengabaikan media sosial yang menyebarkan maklumat politik yang tidak beretika.	3.62	1.160
B4b	Saya lebih percaya maklumat langsung daripada ahli politik atau parti politik berbanding melihat pandangan orang lain di media sosial.	3.49	1.121
B4c	Saya mampu membuat keputusan terhadap kesahihan dan ketepatan maklumat politik di media sosial.	3.56	1.103
B4d	Saya mampu menilai kandungan media sosial yang beretika, bermoral dan berintegriti dalam menyebarkan maklumat politik.	3.80	1.005
B4e	Saya mampu membandingkan maklumat politik dari satu sumber ke sumber yang lain di media sosial untuk memastikan ketepatan berita.	3.82	1.056

Jadual 12 menunjukkan aliran kerja pemprosesan golongan belia dalam memperolehi maklumat politik. Kajian ini melaporkan alatan pemprosesan maklumat dalam kalangan responden adalah tinggi. Ini bermakna responden mampu membandingkan maklumat politik dari satu sumber ke sumber yang lain di media sosial untuk memastikan ketepatan berita. Nilai min yang tinggi ialah 3.82 dan sisihan piawai 1.056.

e) *Niat Penglibatan Belia Selangor di dalam Politik*

Jadual 13: Niat penglibatan belia selangor di dalam politik

Bil.	Instrumen	Min	SP
C1	Jika diberi peluang, saya akan menghadiri forum perbincangan politik.	3.38	1.158
C2	Jika diberi peluang, saya akan menyertai demonstrasi/perarakan politik.	3.30	1.136
C3	Jika diberi peluang, saya akan menyertai organisasi politik sebagai ahli.	3.16	1.231
C4	Jika saya diberi peluang, saya akan menyertai perbincangan kumpulan mengenai politik di Facebook.	3.08	1.169
C5	Jika diberi peluang, saya akan mengikuti halaman (page) politik di media sosial.	3.47	1.164

Jadual 13 menunjukkan kajian ini melaporkan bahawa niat penglibatan golongan belia dalam politik adalah sederhana dengan markah min yang paling tinggi ialah 3.47 dan sisihan piawai 1.164. Ini bermakna jika diberi peluang, responden memilih untuk mengikuti halaman politik di media sosial.

4. *Perkaitan antara Tahap Literasi Media Golongan Belia di Selangor dengan Niat Penglibatan di dalam Politik Malaysia*

a) *Analisis Korelasi Pearson*

Jadual 14: Guilford's rule of thumb

Pekali Korelasi Pearson (r)	Tafsiran Hubungan
Kurang daripada 0.20	Hampir tiada hubungan
0.20 hingga 0.40	Hubungan yang lemah
0.41 hingga 0.70	Hubungan yang sederhana
0.71 hingga 0.90	Hubungan yang kuat
Lebih daripada 0.90	Hubungan yang sangat kuat

Jadual 15: Korelasi pearson antara pemboleh ubah literasi media dengan niat penglibatan politik

Pemboleh Ubah	r	p	Tahap Hubungan
Struktur pengetahuan	.329	<0.001	Sederhana
Lokus peribadi	.525	<0.001	Sederhana
Alatan pemprosesan maklumat	.601	<0.001	Sederhana
Aliran kerja pemprosesan	.489	<0.001	Sederhana

N=385; **p<.01 (2-tailed)

Analisis korelasi Pearson menunjukkan semua pemboleh ubah literasi media mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan niat penglibatan politik ($p<.001$). Alatan pemprosesan maklumat mencatatkan korelasi paling kuat ($r=.601$), diikuti lokus peribadi ($r=.525$), aliran kerja pemprosesan ($r=.489$), dan struktur pengetahuan ($r=.329$). Dapatan ini menunjukkan kemahiran praktikal dalam memproses maklumat mempunyai perkaitan lebih kuat dengan niat penglibatan politik berbanding pengetahuan teoretikal semata-mata.

Hasil analisis Korelasi Pearson Jadual 15 menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara tahap literasi media golongan belia Selangor dengan penglibatan mereka di dalam politik. Jumlah sampel kajian ini adalah ($n=385$). Berdasarkan kepada Jadual 7, secara perinciannya, wujud hubungan dengan korelasi sederhana bagi 3 konstruk dengan menggunakan aras korelasi Guilford's Rule of Thumb iaitu alatan pemprosesan maklumat ($r=0.601$, $p=0.000<0.01$), lokus peribadi ($r=0.525$, $p=0.000<0.01$) dan aliran kerja pemprosesan ($r=0.489$, $p=0.000<0.01$).

Pada keseluruhannya dapat dilihat kesemua pembolehubah adalah signifikan pada aras kesignifikanan $p=0.000<0.01$ dengan empat pembolehubah bebas iaitu struktur pengetahuan, lokus peribadi, alatan pemprosesan maklumat dan aliran kerja pemprosesan mempunyai hubungan yang sederhana dengan pembolehubah bersandar penglibatan belia Selangor dalam politik. Namun begitu melalui analisis korelasi ini juga dapat dilihat pembolehubah struktur pengetahuan menunjukkan hubungan yang lemah terhadap pembolehubah penglibatan di dalam politik dengan nilai korelasi iaitu ($r=0.329$) walaupun mempunyai hubungan yang signifikan.

b) Analisis Regresi

Analisis regresi ini dilakukan untuk melihat pengaruh atau impak antara pemboleh ubah bebas struktur pengetahuan, lokus peribadi, alatan pemprosesan maklumat dan aliran kerja pemprosesan dengan pemboleh ubah bersandar penglibatan di dalam politik . Data yang telah dianalisis adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 16: Analisis ANOVA bagi model regresi

Sumber Variasi	SS	df	MS	F	p
Regresi	2795.94	4	698.99	61.71	<.001
Residual	4304.29	380	11.33		
Jumlah	7100.23	384			

Nota: SS = *Sum of Squares*; MS = *Mean Square*

Jadual 17: Analisis regresi linear berganda

	B	SE B	β	t	p
Pemalar	3.145	.881		3.571	<.001
Struktur Pengetahuan	-.145	.056	-.145	-2.584	.010
Lokus Peribadi	.179	.066	.179	2.698	.007
Alatan Pemprosesan Maklumat	.428	.064	.428	6.650	<.001
Aliran Kerja Pemprosesan	.185	.059	.185	3.139	.002

Nota: *Adjusted R*² = .387; F(4, 380) = 61.71, p<.001; B = Pekali regresi tidak piawai; β = Pekali regresi piawai; SE B = *Standard Error*

Berdasarkan kepada analisis regresi, nilai *Adjusted R*² bagi pemboleh ubah bebas ialah sebanyak 0.387 atau hanya menyumbang sebanyak 38.7% kepada variasi pemboleh ubah niat penglibatan belia Selangor di dalam politik. Nilai ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah tahap literasi media mempunyai kesan yang kecil ke atas niat penglibatan golongan belia Selangor di dalam politik. Aras signifikan ujian ini ditetapkan kepada (p=0.05) dan berdasarkan kepada hasil keputusan ujian didapati keempat-empat pemboleh ubah bersandar iaitu struktur pengetahuan, lokus peribadi, alatan kerja pemprosesan dan aliran kerja pemprosesan mencapai tahap signifikan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ke semua faktor tersebut mempengaruhi niat penglibatan golongan belia Selangor di dalam politik.

Hasil Keputusan Hipotesis

Jadual 18: Hasil keputusan hipotesis

	Hipotesis	Keputusan
Ha1	Terdapat pengaruh di antara tahap struktur pengetahuan dengan niat penglibatan golongan belia di dalam politik.	Hipotesis Diterima
Ha2	Terdapat pengaruh di antara lokus peribadi dengan niat penglibatan golongan belia di dalam politik.	Hipotesis Diterima
Ha3	Terdapat pengaruh di antara alatan pemprosesan maklumat dengan niat penglibatan belia di dalam politik.	Hipotesis Diterima
Ha4	Terdapat pengaruh di antara aliran kerja pemprosesan maklumat dengan niat penglibatan belia di dalam politik.	Hipotesis Diterima

Nota: Jika signifikansi > 0.05, maka Ho diterima; Jika signifikansi < 0.05, maka Ho ditolak.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini memberikan beberapa implikasi penting terhadap pemahaman tentang literasi media dan penglibatan politik belia di Malaysia. Penggunaan Media Sosial sebagai Sumber Maklumat Politik Kajian mendapati TikTok (33.5%) dan X/Twitter (20.3%) merupakan

platform utama belia mendapatkan maklumat politik, mengatasi media tradisional seperti televisyen (6.5%) dan surat khabar (4.9%). Dapatan ini konsisten dengan kajian Hassan et al. (2023) yang melaporkan media sosial sebagai sumber maklumat politik utama pengundi muda. Walau bagaimanapun, penguasaan platform video pendek seperti TikTok membimbangkan kerana format kandungan yang ringkas mungkin tidak menyediakan konteks politik yang mencukupi untuk pemahaman mendalam. Ini selari dengan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Fairuz et al. (2023) tentang bagaimana format media mempengaruhi kedalaman pemahaman politik.

Tahap Literasi Media: Tinggi Tetapi Tidak Seimbang

Kajian ini melaporkan tahap literasi media yang tinggi dalam kalangan belia Selangor, khususnya dalam aspek struktur pengetahuan (min=3.72 hingga 4.04). Dapatan ini agak berbeza dengan kajian Rashid et al. (2016) yang melaporkan tahap literasi media remaja Malaysia pada tahap rendah. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor: (1) sampel kajian ini tertumpu di Selangor yang merupakan negeri maju dengan akses internet dan pendidikan lebih baik; (2) tempoh masa antara kedua kajian di mana pendedahan media sosial telah meningkat dengan ketara; (3) penurunan umur pengundi kepada 18 tahun telah meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan belia.

Namun, analisis lebih teliti menunjukkan ketidakseimbangan dalam komponen literasi media. Struktur pengetahuan mencatatkan skor tertinggi, tetapi lokus peribadi (min=3.18 hingga 3.79) berada pada tahap sederhana. Ini bermakna walaupun belia mempunyai pengetahuan tentang politik, motivasi dan minat peribadi mereka untuk terlibat aktif masih belum kukuh. Fenomena ini menjelaskan jurang antara pengetahuan dengan tindakan yang dilaporkan dalam kajian ini dan kajian-kajian lain (Noor Shazalina & Rosyidah, 2022; Marshelayanti et al., 2021).

Perkaitan Literasi Media dengan Niat Penglibatan Politik

Analisis regresi menunjukkan literasi media menyumbang 38.7% variasi dalam niat penglibatan politik belia. Walaupun ini adalah sumbangan yang signifikan secara statistik, ia juga menunjukkan bahawa 61.3% variasi ditentukan oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji. Ini konsisten dengan teori penyertaan politik yang lebih luas yang mencadangkan pelbagai faktor mempengaruhi penglibatan politik termasuk sosialisasi politik keluarga, pengaruh rakan sebaya, kepercayaan terhadap institusi politik, dan efikasi politik (Denver dan Hands 1992).

Antara empat komponen literasi media, alatan pemprosesan maklumat ($\beta=.428$) menunjukkan pengaruh paling kuat. Ini menunjukkan kemahiran praktikal dalam mencari, menilai dan menggunakan maklumat politik adalah lebih penting daripada pengetahuan teoretikal semata-mata. Dapatan ini menyokong pendekatan literasi media yang menekankan kemahiran kritikal (Potter 2004; Livingstone 2014) berbanding pendekatan yang hanya memfokuskan penyampaian pengetahuan.

Menariknya, struktur pengetahuan menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi lemah ($r=.329$), malah pekali regresi adalah negatif ($\beta=-.145$). Ini mungkin mencerminkan fenomena "political cynicism" di mana peningkatan pengetahuan tentang politik sebenarnya mengurangkan niat untuk terlibat kerana kesedaran tentang kompleksiti dan kadangkala ketidakjujuran dalam politik. Fenomena ini perlu dikaji dengan lebih mendalam dalam kajian akan datang.

Niat Penglibatan Politik yang Rendah: Mencari Penjelasan

Dapatan paling membimbangkan kajian ini adalah niat penglibatan politik yang rendah (min=3.08 hingga 3.47) walaupun tahap literasi media tinggi. Ini menunjukkan literasi media sahaja tidak mencukupi untuk meningkatkan penglibatan politik. Beberapa penjelasan mungkin: Pertama, kajian ini mengukur niat penglibatan dalam aktiviti politik formal (forum, demonstrasi, keahlian parti) yang mungkin dianggap terlalu komitmen tinggi atau berisiko oleh belia. Bentuk penglibatan politik yang lebih ringan seperti membincangkan politik di media sosial atau mengikuti halaman politik mungkin lebih diterima (min=3.47 adalah paling tinggi).

Kedua, wujud ketidakpercayaan terhadap institusi politik dan parti politik dalam kalangan belia Malaysia seperti yang dilaporkan oleh Samsi (2014). Persepsi bahawa politik adalah “kotor” atau bahawa suara belia tidak didengar mungkin menghalang penglibatan walaupun mereka mempunyai literasi media yang baik.

Ketiga, kekangan praktikal seperti fokus kepada pendidikan dan kerjaya mungkin menyebabkan belia mengutamakan perkara lain berbanding aktiviti politik. Ini adalah fasa kehidupan yang kritikal untuk pembangunan akademik dan profesional. Keempat, penurunan umur mengundi kepada 18 tahun adalah perkembangan baru dan belia mungkin masih dalam proses membentuk identiti politik mereka. Tempoh peralihan ini mungkin menjelaskan niat penglibatan yang masih belum kukuh.

Implikasi Teoretikal

Kajian ini menyokong Model Literasi Media Potter (2004) sebagai kerangka yang sesuai untuk memahami bagaimana belia memproses maklumat politik. Keempat-empat komponen model menunjukkan hubungan signifikan dengan niat penglibatan politik, membuktikan relevansi model ini dalam konteks Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian juga mendedahkan bahawa model kognitif sahaja tidak mencukupi – faktor afektif (emosi, sikap) dan tingkah laku (norma sosial, halangan praktikal) juga perlu dipertimbangkan.

Kajian ini juga menyumbang kepada literatur tentang penglibatan politik belia di Asia Tenggara di mana kajian masih terhad berbanding negara Barat. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun media sosial meluaskan akses kepada maklumat politik, ia tidak secara automatik menterjemah kepada penglibatan politik yang lebih tinggi. Konteks budaya, politik dan sosial Malaysia perlu dipertimbangkan dalam memahami tingkah laku politik belia.

Limitasi Kajian

Beberapa limitasi kajian perlu diakui. Pertama, reka bentuk kajian keratan rentas hanya menangkap situasi pada satu masa tertentu. Kajian longitudinal diperlukan untuk memahami bagaimana literasi media dan niat penglibatan politik berkembang dari masa ke masa, terutamanya apabila belia mengalami pengalaman mengundi yang sebenar.

Kedua, kajian ini mengukur “niat” penglibatan bukan tingkah laku sebenar. Walaupun Theory of Planned Behavior mencadangkan niat adalah peramal terbaik tingkah laku, jurang antara niat dan tindakan sering wujud. Kajian akan datang perlu mengukur penglibatan politik sebenar. Ketiga, kajian terhad kepada belia di Selangor sahaja. Konteks bandar dan tahap pembangunan Selangor yang tinggi mungkin menghasilkan dapatan yang berbeza dari negeri lain, terutamanya negeri luar bandar atau kurang maju.

Keempat, penggunaan soal selidik atas talian mungkin mengecualikan belia yang kurang celik digital atau tidak aktif di media sosial. Ironisnya, golongan inilah yang mungkin paling memerlukan intervensi literasi media. Kelima, kajian ini mengukur literasi media dan

penglibatan politik pada tahap umum. Kajian akan datang boleh mengkaji bagaimana literasi media mempengaruhi penglibatan dalam isu-isu politik spesifik seperti alam sekitar, ekonomi atau hak asasi manusia yang mungkin lebih relevan kepada golongan belia tertentu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa golongan belia Selangor menggunakan medium media sosial sebagai alat untuk mendapatkan informasi politik. Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis tahap kemahiran literasi media dan niat penglibatan golongan belia dalam politik Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran literasi media dalam kalangan pengundi muda adalah di tahap sederhana tinggi. Secara tidak langsung, hal ini menunjukkan bahawa walaupun golongan belia mempunyai keupayaan untuk menilai dan memahami mesej yang disampaikan melalui media, namun masih terdapat masalah terutama dalam aspek kritikal dan analisis mendalam. manakala niat penyertaan di dalam politik dalam kalangan responden (16 hingga 20 tahun) adalah berada di paras rendah. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk kepercayaan terhadap sistem politik, kepentingan peribadi, dan kekurangan motivasi.

Niat penglibatan golongan belia di dalam politik amat bergantung kepada kemahiran literasi media struktur pengetahuan, lokus peribadi, alatan pemprosesan maklumat dan aliran kerja pemprosesan. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa kepentingan literasi media dalam era digital, khususnya bagi golongan belia adalah sangat penting. Dengan meningkatkan literasi media, golongan belia dapat memahami dan menilai mesej politik dengan lebih baik, yang seterusnya dapat meningkatkan penglibatan mereka dalam proses politik. Namun, usaha bersepadu diperlukan untuk mengatasi halangan-halangan yang menghalang penglibatan politik golongan belia.

Selain itu juga, kajian ini telah memberi input bahawa niat penglibatan golongan belia di dalam politik adalah rendah dan ini akan memberi kesan kepada amalan demokrasi negara. Memandangkan kajian ini dijalankan ke atas golongan belia yang bakal dan akan mengundi untuk pilihan raya akan datang, maka kempen kesedaran wajar diperluaskan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Belia dan Sukan tidak boleh memandang enteng perkara seperti ini. Di samping itu, peranan ibu bapa dalam membentuk dan mendorong golongan belia untuk melibatkan diri di dalam politik Malaysia. Penglibatan aktiviti komuniti untuk hadir bersama ke forum politik adalah wajar dalam meningkatkan minat politik dalam kalangan pengundi muda. Tambahan itu juga, kempen-kempen mengenai literasi media wajar ditekankan oleh pihak kerajaan agar masyarakat sentiasa mempunyai kesedaran tentang literasi media yang tinggi.

Selain itu juga, pengamal media khususnya tidak boleh bersikap 'lepas tangan' begitu sahaja, tetapi perlu bekerjasama dalam memenuhi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Sekiranya golongan belia mempunyai tahap literasi media yang tinggi, ia bukan sahaja membantu ke arah pembentukan masyarakat yang mempunyai pemikiran kelas pertama dan daya saing yang tinggi, tetapi juga boleh menjana kepada pemikiran yang positif demi kemajuan individu dan negara.

BIODATA

Fatin Norshalihah binti Azman @ Azmin merupakan pelajar Sarjana di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Kajian tesis beliau berkaitan dengan tahap literasi media belia selangor dan niat penglibatan di dalam politik Malaysia. Email: fatinnorshalihah@gmail.com

Shamsiah Abd Kadir (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Minat penyelidikannya termasuklah Kejuruteraan Kansei, Emosi & Kesejahteraan, Data Raya dan Analisis Sentimen, Literasi Media, serta Perangsaraf Media dan Informasi. Email: shamkadir@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Ali Salman, & Mohd Safar Hasim. (2011). *Internet and Politics in Malaysia: Social Change and the New Media*. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell Asia.
- Ciurel, D. (2016). Media literacy: Concepts, approaches and competencies. *Professional Communication and Translation Studies*, 9(1-2), 13-19.
- Denver, D. & Hands, G. (1992). *Issues and Controversies in British Electoral Behaviour*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Fairuz Ramli, Nurmunirah Azami, & Ruqaiyah Ab Rahim. (2023). Pengaruh TikTok terhadap mahasiswa Malaysia dalam Pilihan Raya Umum-15 (PRU-15). *Borneo Akademika*, 7(2), 59-69.
- Hassan, M. S., Sah Allam, S. N., Khamis, M. H., Bakar, M. H., Abdul Latiff, D. I., & Ridzuan, A. R. (2019). Perspektif literasi media aspek analisis dan penilaian: Amalan integriti penyertaan politik golongan muda di media sosial. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 20-32.
- Hassan, M. S., Sah Allam, S. N., Hj. Ridzuan, A. R., Ab Hadi, S. N. I., Ibrahim, N. A. N., & Chaniago, R. H. (2023). Pemerkasaan pendidikan literasi media untuk penyertaan politik belia dalam konteks Malaysia. *e-Proceedings of the International Islamic Economic System Conference 2023*, 537-547.
- Jasmi, M. N., Othman, Z., Joko, E. P., & Mohd Rudzainoor, M. H. I. (2018). Media dan literasi politik di Sabah menjelang PRU-14: Kajian kes parlimen Tawau. *Jurnal Kinabalu, Edisi Khas*, 199-221.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Livingstone, S. (2014). Developing social media literacy: How children learn to interpret risky opportunities on social network sites. *Communications*, 39(3), 283-303.
- Maliki, N. Z., Abdullah, M. Y., Mohamad, M., Ahmad, A., & Saad, M. S. M. (2023). Tahap kewarganegaraan digital dalam kalangan remaja 14 tahun di Malaysia. *Journal of ICT in Education*, 10(1), 45-62.
- Marshelayanti, M. R., & Hussin, N. I. (2021). New media and political activities among Malay youth in Selangor. *Educatum: Journal of Social Sciences*, 7(1), 45-54.
- Maxwell, J. A. (2005). *Qualitative Research Design: An Interactive Approach* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mohd Sani, N. N., Adzharuddin, N. A., & Mahamed, M. (2024). Kajian pengetahuan kesahihan literasi kandungan maklumat politik di laman sosial Facebook di kalangan wanita belia di Malaysia. *Educatum: Journal of Social Sciences*, 10(1), 1-15.
- Neuman, W. L. (2012). *Basics of Social Research: Qualitative and Quantitative Approaches* (3rd ed.). Boston: Pearson Education.
- Noor Shazalina Md Razali, & Rosyidah Muhamad. (2022). Penyertaan politik dalam kalangan belia dengan menggunakan media sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(12), e002019.
- Norhafiza Maria. (2019). Kecenderungan politik dalam kalangan belia wanita di Perak. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(7), 1-15.
- Norzamira Che Noh. (2022, Oktober 31). PRU-15: Jumlah pengundi berdaftar di Selangor meningkat lebih 50 peratus. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/10/898148/pru-15-jumlah-pengundi-berdaftar-di-selangor-meningkat-lebih-50-peratus>

- Potter, W. J. (2004). *Theory of Media Literacy: A Cognitive Approach*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Potter, W. J. (2005). *Media Literacy* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Rashid, N. A., Mat Nayan, L., & Devarajoo, A. R. (2016). Literasi dalam memperolehi hiburan bermaklumat: Kajian dalam kalangan remaja di Malaysia. *al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 9(1), 95-105.
- Razali, M. M. M., Ibrahim, F., Arifin, K., & Sarwani, S. (2016). Political participation via new media among youth in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(2), 88-96.
- Rheingold, H. (2008). Using participatory media and public voice to encourage civic engagement. Dlm. W. L. Bennett (Pynt.), *Civic Life Online: Learning How Digital Media Can Engage Youth* (hlm. 97-118). Cambridge, MA: MIT Press.
- Samsi, S. Z. A. (2014). *Penglibatan politik belia di Selangor* [Tesis Sarjana]. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Strasburger, V. C. & Wilson, B. J. (2002). *Children, Adolescents, and the Media*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Sulaiman, S., Yusof, Y. M., & Latiff, R. A. (2023). UNDI 18: Analisa keperluan literasi politik pengundi muda Melayu Johor di Institusi Pengajian Tinggi Awam pasca PRN Johor ke-15. *Insight Journal*, 19, 1-18.
- United Nations. (2002). *World Youth Report 2003: The Global Situation of Young People*. New York: United Nations Publications.